

16/10/2003

Ajar perniagaan Islam (HL)

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan penubuhan kulliyah perniagaan Islam untuk membolehkan nilai murni dan etika perniagaan Islam dibangun, dikembang dan diajar secara sistematik.

Perdana Menteri yang hari ini secara rasmi mengambil alih jawatan Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berkata, kulliyah itu tidak perlu menyetepikan ilmu perniagaan Barat yang tidak bertentangan syarak.

Katanya, kulliyah seumpama itu boleh diajar secara sistematik dengan mempunyai piawaian dan etika tertentu untuk disebar, sama ada ketika menjalankan perniagaan sesama umat Islam atau dengan orang lain.

"Sementara kita membangunkan etika perniagaan Islam, kita tidak harus menolak etika dan sistem sedia ada yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam semata-mata kerana kita inginkan kelainan," katanya menyampaikan ucapan pada Forum Perniagaan OIC di Hotel Marriott di sini, semalam.

Dalam ucapan bertemakan 'Ke arah memperbaharui OIC: Agenda untuk keamanan dan kemakmuran' itu, Dr Mahathir berkata, mungkin suatu hari nanti kulliyah perniagaan Islam seperti itu muncul sebagai kolej perniagaan terkemuka di Barat, yang menarik minat pelajar seluruh dunia.

Antara kolej perniagaan Barat terkemuka yang lepasannya menjadi tumpuan masyarakat perniagaan seluruh dunia ialah Harvard Business School di Amerika Syarikat dan London School of Economics di England.

Dr Mahathir percaya kulliyah perniagaan Islam cadangannya itu tidak akan mengancam dunia perniagaan, sebaliknya merangsang perniagaan sejagat sebaik saja berjaya ditubuhkan kerana amalan perniagaan ummah akan membawa kejayaan serta memberi kemenangan kepada semua.

"Ini tidak mustahil. Ini sepatutnya menjadi agenda Forum Perniagaan OIC. Pergi berperang dan menjajah negara lain demi memperoleh pasaran dan sumber, perlu ditolak sepenuhnya oleh kita.

"Sebaliknya, kita harus mewujudkan persekitaran aman dan makmur dengan setiap orang mendapat faedah untuk diri mereka. Insya-Allah, kita akan berjaya," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 800 peserta forum itu.

Forum pertama seumpamanya sempena Sidang Kemuncak OIC itu diadakan dua hari bermula semalam. Forum anjuran Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli) itu bertujuan mewujudkan platform untuk usahawan dari negara Islam berinteraksi dengan pemimpin negara anggota bagi meningkatkan lagi hubungan dagang dan pelaburan.

Dr Mahathir berkata, kulliyah seumpama itu bukan mustahil boleh diwujudkan kerana sebelum ini sudah ada beberapa kejayaan seperti perbankan Islam yang diterima umum dan sudah tentu menjalankan perniagaan berasaskan etika Islam juga akhirnya akan dapat diterima.

"Kita tidak perlu memaksa sistem kita digunakan ke atas orang lain. Pada masa sama, kita tidak seharusnya dipaksa menjalankan perniagaan hanya dengan cara yang dimahukan oleh orang lain jika mereka tidak adil kepada kita.

"Kita harus menolak mereka bukan kerana kehendak agama, tetapi kerana amalan itu buruk dan tidak adil. Wujud terlalu banyak unsur perjudian di pasaran hari ini hingga menyebabkan yang kaya menindas yang miskin.

"Terlalu banyak tamak haloba. Mengaut keuntungan dan amalan buruk berleluasa. Kita harus menolak semua ini. Perniagaan adalah untuk membuat keuntungan tetapi ia tidak seharusnya menyebabkan orang lain sengsara," katanya.

Perdana Menteri berkata, urus niaga mata wang yang memiskinkan negara dan rakyatnya sehingga menyebabkan rusuhan dan kemusnahan tidak harus dilakukan oleh umat Islam.

"Meraih keuntungan munasabah menerusi etika yang boleh diterima dalam amalan perdagangan, harus menjadi matlamat umat Islam dan semua ini boleh diajar di Kuliyah Perniagaan Islam dan piawaiannya seumpama itu akan memberi imej dan kejayaan kepada peniaga Islam," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir juga menyarankan supaya umat Islam secepat dapat mencari alternatif bagi menjamin kekayaan dunia boleh diagihkan secara saksama.

Katanya, negara Islam mesti bekerjasama erat dengan negara membangun lain supaya dapat merangka regim perdagangan dan kewangan antarabangsa yang boleh memberi faedah kepada kedua-dua golongan kaya dan miskin.

Untuk mendapat pengaruh pada arena antarabangsa, ekonomi negara Islam mesti kukuh dan ini akan dapat dihasilkan menerusi kemahiran dan pentadbiran yang baik dalam masyarakat perniagaan ummah walaupun mereka sudah tertinggal dalam Revolusi Perindustrian.

"Hari ini, tiada negara Islam boleh memajukan semuanya dengan keupayaan sendiri dan terpaksa bergantung kepada negara lain termasuk membangunkan sumber minyak meskipun secara teorinya umat Islam menguasai satu per enam pasaran dunia.

"Islam sebenarnya sudah memberi panduan bagaimana perniagaan harus dijalankan dan mereka dituntut supaya bersikap jujur dalam setiap kerja yang dilakukan kerana sifat tamak adalah musuh utama Islam," katanya.